



SIARAN MEDIA

KARISMA 1AZAM – RM117 JUTA BERI MANFAAT KEPADA PENDUDUK NEGERI SARAWAK

TETAMU KEHORMAT : YB. DATUK HAJAH FATIMAH ABDULLAH
MENTERI KEBAJIKAN, WANITA DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA SARAWAK
: Y.BHG. DATO' SUHAIMI IBRAHIM
SETIAUSAHA POLITIK KEPADA MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

TARIKH : 17 JANUARI 2012 (SELASA)

TEMPAT : DATARAN WATERFRONT KUCHING, SARAWAK

KUCHING, 17 JANUARI 2012 – Sebanyak **120 buah bot dan enjin** berjumlah **RM6 juta** telah disumbangkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada Jawatankuasa Ketua Kampung (JKKK) Negeri Sarawak pada program KARISMA 1AZAM hari ini yang telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak di Dataran Waterfront Kuching.

Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) Menaiktaraf Kemudahan Awam Luar Bandar bertujuan agar kemudahan pengangkutan awam ini dapat ditingkatkan demi keselesaan dan penduduk serta meningkatkan ekonomi setempat.

Pada majlis yang sama, seramai **1,112** orang peserta Program Teman 1AZAM dari Negeri Sarawak hari ini telah menerima barangan permulaan perniagaan (start-up kit) berjumlah **RM5.6 juta**. Menurut Y.B. Datuk Hajah Fatimah, "Bantuan yang diberikan adalah bagi membantu golongan berpendapatan rendah menceburi bidang perniagaan **berteraskan konsep social enterprise (keusahawanan sosial) dan pendekatan kebajikan produktif (productive welfare)** dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka". Tambah beliau, ini juga merupakan usaha Kerajaan untuk membolehkan golongan ini untuk hidup berdikari.

Majlis turut menyaksikan seramai **300 orang penerima KAR1SMA JKM** turut diraikan sempena Sambutan Tahun Baru Cina dengan pemberian angpow dan hamper berjumlah **RM45 ribu**. Geran bantuan kepada **25 buah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** berjumlah **RM5.5 juta** turut disampaikan pada majlis tersebut.

Pada tahun ini juga, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan **bantuan KAR1SMA** sebanyak **RM99.6 juta** kepada Kerajaan Negeri Sarawak agar dapat menampung **43 ribu** penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) meneruskan kelangsungan hidup.

Program KAR1SMA yang dihadiri kira-kira 1,000 penduduk setempat ini diharap akan dapat membantu meringankan beban golongan berpendapatan rendah dalam berkongsi keriangannya sambutan Tahun Baru Cina yang bakal menjelang.

Turut hadir sama pada majlis pelancaran tersebut ialah Y.Bhg. Dato' Suhaimi Ibrahim, Setiausaha Politik merangkap wakil kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Menteri-menteri Muda Kementerian Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, ketua-ketua jabatan dan penduduk setempat.

#####

Disediakan oleh : Unit DMO NKRA-LIH KPWKM
Aras 5, No.55 Persiaran Perdana, Presint 4,
Putrajaya
Telefon : 03 - 8323 1000
Tarikh : 17 Januari 2012

